

Mudarat kemurungan

Oleh **Nadia Hamid**
nnadia@bh.com.my

“**S**aya sentiasa berdoa dan berharap satu hari nanti, Kak Long pulih daripada kemurungan. Sudah sembilan tahun dia tertinggal nikmat kehidupan sekali gus mengesepi kebahagiaan seperti orang lain,” demikian luahan kesedihan seorang ibu pesakit kemurungan, Hariyati Ariffin.

Hariyati, mesra disapa ‘Mama’ sering kali menulis diari harian di laman sosial Facebook mengenai kisah anaknya yang dipanggil Kak Long, yang mengalami masalah gangguan jiwa.

Cerita wanita tabah berkenaan, anaknya seorang pelajar pintar, yang diharapkan menjulang nama keluarga, namun impian itu tidak kesampaian apabila Kak Long bertukar berwatakan ‘360 darjah’ selepas menamatkan pengajian dalam bidang Keju-

ruteraan Perisian, di sebuah universiti tempatan.

Sempat bekerja selama enam bulan sebagai guru sandaran di sebuah sekolah harian di Shah Alam, Kak Long mula mengalami fasa awal kemurungan dengan mengasingkan diri daripada keluarga.

Masanya lebih banyak dihabiskan berkurung dalam bilik dan adakalanya, dia bercakap sendirian. Kerap kali Hariyati, suami dan tiga anak perempuannya yang lain mendengar Kak Long bertukar emosi, kadang-kadang gelak dan ada ketikanya menangis tersedu-sedan.

Pada awalnya, Hariyati tidak endah kerana sangkanya, anak gadis itu berbual dengan rakan karib di talian, tetapi hari demi hari perbuatannya semakin mencurigakan. Kak Long tidak lagi mahu berbual dengan ahli keluarga, jauh sekali orang ramai. Hariyati perlu bertindak. Kak Long dibawa bertemu pakar perubatan dan kemudian dirujuk kepada pakar kesihatan mental.

» **Hariyati korban masa, tenaga demi Kak Long**

Penyakit melarat

“Kak Long dipercayai mengalami gangguan jiwa dan emosi, iaitu kemurungan dan dibekalkan ubat penenang. Tetapi, dia susah makan ubat, jadi bila disuruh makan ubat, dia mengelak. Katanya, dia tak sakit. Puas dipujuk rayu, dia akan makan ubat sekali, tetapi sekali sajalah.

“Itu menyebabkan sakitnya melarat dan sukar sembuh. Sejak kecil pun dia tidak suka makan ubat,” katanya ketika ditemu bual Sihat, baru-baru ini.

Berikutan jadual makan ubat tidak teratur, sakit Kak Long semakin melarat sehingga disahkan mengalami penyakit psikosis, iaitu perubahan ketara dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku serta kewarasan terjejas.

Kak Long mula keliru dengan diri sendiri, mendengar suara ghaib atau halusinasi dan berdelusi - dia percaya ada orang mahu menganiaya atau mencederakannya.

Reda dan sabar melayan kerenah Kak Long, Hariyati dan keluarga terpaksa berkorban masa dan waktu tidur bagi memastikan keperluan Kak Long dipenuhi serta tidak mengganggu orang lain.

“

BUKAN MUDAH JAGA ANAK YANG ALAMI KEMURUNGAN. SELALU ORANG SALAH ANGGAP DAN MENCEMUH, HANYA ALLAH TAHU BAGAIMANA CABARAN MENGURUSKAN MEREKA INI. ITU BELUM LAGI BERDEPAN ANCAMAN KATA NISTA, AMUKAN DAN PERANGAI KAK LONG YANG SUKAR DIJANGKA”

Hariyati Ariffin

